

Hanya satu jualan but kereta di K. Lumpur

PETALING JAYA – Dewan Bandaraya Kuala Lumpur memaklumkan hanya satu kawasan sahaja di ibu kota dibenarkan untuk aktiviti penjualan secara 'car boot sale' ketika ini.

Kata sumber DBKL, kawasan yang dibenarkan itu ialah di tempat letak kereta Taman Tasik Permaisuri di Bandar Permaisuri, Kuala Lumpur.

Jelasnya, aktiviti jualan but kereta di tapak itu hanya dibenarkan beroperasi selama empat hari seminggu.

"Waktu perniagaan adalah bermula pukul 6 petang sehingga pukul 12 malam setiap hari Khamis sampai Ahad. Jumlah penjaja adalah sebanyak 80 peniaga," katanya semalam.

Mengulas lanjut, sumber DBKL berkata, aktiviti jualan but kereta dilesenkan berdasarkan Undang-Undang Kecil Pelesenan Penjaja 2016.

"Sebarang aktiviti perniagaan tanpa lesen akan dikenakan tindakan penguatkuasaan



KERATAN Kosmo! semalam.

berdasarkan Akta atau Undang-Undang Kecil yang berkaitan.

"Bagaimanapun, setakat ini, pihak DBKL tidak mempunyai sebarang rekod berkenaan bilangan penjaja but kereta yang tidak berlesen,"ujarnya.

Sementara itu, ketika ditanya sama ada lesen untuk mengadakan aktiviti jualan but kereta ini boleh dimohon secara individu ataupun tidak, sumber memaklumkan, sebarang permohonan mestilah dibuat melalui penganjur.

Kosmo! semalam melaporkan ramai berniaga dari belakang kereta kerana takut menyewa kedai jika jualan tidak laku.



RAMAI mencuba membuat jualan belakang kereta yang didakwa lebih jimat dan tiada kos. – GAMBAR HIASAN